

14 June 2018 (Thursday)

Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
cnews@NSTP.com.my**Seremban**

Matrix Concept Holdings Bhd (Matrix Concept) menyumbang RM2 juta lagi kepada Tabung Harapan Malaysia (Tabung Harapan), semalam.

Sumbangan itu diserahkan Pengerusi Matrix Concept, Datuk Mohammad Haslah Mohammad Amin kepada Menteri Besar, Aminuddin Harun di Wisma Negeri.

Mohammad Haslah berkata, minggu lalu pihaknya menyumbang RM3 juta dan diserahkan terus kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng.

Kali ini pula katanya, pihaknya berbesar hati menyerahkan sumbangan itu kepada Menteri Besar Negeri Sembilan.

"Sumbangan kali ini berjaya dikumpulkan dalam tempoh seminggu sahaja daripada ahli lembaga pengarah, kakitangan, rakan kongsi dan anak syarikat.

"Sebagai syarikat pemaju yang terbesar di negeri ini, kami terpanggil untuk membantu dalam perkara yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat,"



AMINUDDIN (dua dari kanan) menerima cek tabung Harapan Malaysia RM2 juta daripada Mohamad Haslah (tiga dari kanan).

RM2 juta lagi

■ **Matrix Concept kumpul untuk Tabung Harapan**

katanya pada majlis penyerahan cek itu di Wisma Negeri di sini, semalam.

Mohammad Haslah berharap, lebih banyak pihak yang berkemampuan turut sama tampil memberi sumbangan dalam keadaan negara memerlukan bantuan.

kan bantuan.

Selain sumbangan daripada Matrix Concept, Aminuddin turut menerima sumbangan RM200 daripada Pengerusi Persatuan Perkembangan Insan Istimewa Seremban, Dr H Puspadiwi.

Aminuddin berkata, walaupun sumbangan itu bukan jumlah yang besar, tetapi semangat untuk membantu amat tinggi kerana terlalu cintakan tanah air.

"Apa yang lebih menarik, wang ini dikumpulkan sendiri hasil jualan kek oleh 24 penghuni persatuan yang berusia 5 sehingga 29 tahun, semata-mata untuk mengisi Tabung Harapan," kata dia.

FAKTA

Sumbangan dikumpul dalam tempoh seminggu daripada ahli lembaga pengarah, kakitangan, rakan kongsi dan anak syarikat